



## KENYATAAN MEDIA PENDAFTARAN KONTRAKTOR PIA/PIAS TAHUN 2018

Pendaftaran Kontraktor akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (DBKK/MPS/MPT), Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil seluruh Negeri Sabah bagi menyertai Perolehan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) secara **Pengundian Berkomputer** pada Tahun 2018.

Kontraktor-kontraktor yang berdaftar sebagai kontraktor **Kelas G1 / Kelas 'F'** yang memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria berikut adalah dipelawa untuk mendaftar :-

- (i) Berdaftar dengan **CIDB (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) Gred G1** bersama **PKK (Sijil Taraf Bumiputera)** dan **PUKONSA Kelas F** bersama **CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor) Gred 1**;
- (ii) Mempunyai keupayaan dari segi modal, pekerja, kemahiran teknikal dan kemudahan peralatan kerja untuk melaksanakan projek;
- (iii) Pemilik sijil pendaftaran adalah bergiat sepenuh masa sebagai kontraktor; dan
- (iv) Sijil pendaftaran masih berkuatkuasa dengan tarikh sah laku tamat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh proses perolehan projek (Undian).

Kontraktor-kontraktor yang memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria seperti tersebut di atas adalah diwajibkan **datang sendiri** dengan membawa Kad Pengenalan, Sijil PKK asal / Sijil PUKONSA asal dan Sijil CIDB asal untuk mendaftar bermula dari **14 November 2017** sehingga **14 Disember 2017** di Pihak Berkuasa Tempatan (DBKK/MPS/MPT), Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil di seluruh Negeri Sabah. Kegagalan membawa dokumen asal dan sebarang kelewatan pendaftaran tidak akan dilayan.

Borang Pendaftaran Kontraktor boleh diperolehi daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (DBKK/MPS/MPT), Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil seluruh Negeri Sabah ataupun dimuat turun melalui laman sesawang [www.sbh.icu.gov.my](http://www.sbh.icu.gov.my).

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan secara terus ke agensi yang berkaitan atau ke Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (SDO) melalui pegawai berikut:

- i. Muhammad Faiz bin Abu Bakar                      Tel : 088-484832 (muhammad\_faiz@sbh.icu.gov.my)
- ii. Suhaili Nip    Tel : 088-484898 (suhaili@sbh.icu.gov.my)

**PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SABAH**  
**Unit Penyelarasan Pelaksanaan ( ICU )**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
**Aras 3 & 5, Blok C**  
**Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah**  
**88999 KOTA KINABALU**

**Tarikh : 13 November 2017**